



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 45

RABU 9 NOVEMBER, 1983.

رابو 3 سفر 1404

PERCUMA

Kebawah D.Y.M.M. saksikan Peraduan Menembak AMDB



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Pemerintah AMDB Brigedier Jeneral J.W.P. Friedberger ketika menyaksikan peraduan menembak dari atas pentas khas.

Isteri-isteri V.I.P. mengadap Baginda Raja Isteri

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah berkenan menerima mengadap satu rombongan isteri-isteri orang kenamaan dari Singapura dan Malaysia di Istana Darul Hana pada hari Sabtu lalu.

Rombongan seramai 13 orang itu diketuai oleh Dayang Hajjah Latifah bte Haji Yaakob, isteri Pesuruhjaya Brunei di Singapura.

Turut berangkat di istiadat itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain.

Semasa berada di sini selama empat hari, rombongan isteri-isteri V.I.P. itu telah dibawa melawat Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan, ke Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad di Seria, Kampong Ayer dan Masjid Omar Ali Saifuddin.

Gambar bawah kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika menerima mengadap pelawat-pelawat tersebut. No. 2 dari kiri ialah Puan Seri Sharifah Hanifah Ahmad, isteri Pesuruhjaya Malaysia di Singapura dan di kiri sekali ialah Puan Fatimah Mahmud, isteri Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan Singapura.

Juga kelihatan dalam gambar ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah No. 2 dari kanan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna (kanan sekali).

Projek komputer:

10 SEKOLAH MULAKAN JANUARI DEPAN

GADONG. — Projek Komputer Dalam Pendidikan peringkat pertama akan dimulakan awal Januari tahun depan di 10 buah sekolah menengah dan maktab-maktab dengan pemasangan beberapa set komputer dan penubuhan Kelab-Kelab Komputer di institusi berkenaan mengikut sambutan dan kemampuan mereka.

Awang Abdul Jalil bin Abdul Raliman, Ketua Bahagian Kegiatan-Kegiatan Luar, Jabatan Pelajaran Brunei yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kursus Dalam Perkhidmatan Komputer Dalam Pendidikan menyatakan demikian dalam ucapan alu-aluannya di majlis

perastrian kursus tersebut di Dewan Jubli Perak, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah pada pagi Isnin 31 Oktober lepas.

Institusi-institusi itu terdiri dari Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah; Pusat Tingkatan Enam; Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan; Sekolah Sains; Sekolah Inggeris Berakas; Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri; Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin; Sekolah Inggeris Sungai Kebun; Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah; Maktab Anthony Abell dan Sekolah Inggeris Perdana Wazir.

(Lihat muka 16)



Wakil pertama Pejabat Perwakilan di Jakarta

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, seorang pegawai pentadbir di jabatan Perkhidmatan Diplomatik telah dilantik

menjadi wakil pertama bagi menubuhkan Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di Jakarta, Indonesia.

Awang Shofry bin Haji Abdul Ghafor yang ditemani oleh seorang atase yang akan turut bertugas di Pejabat tersebut telah ber-

tolak meninggalkan negara ini minggu lalu.

Terdahulu dari itu seorang pegawai pentadbir dari jabatan yang sama, iaitu Pengiran Mashhor bin Pengiran Ahmad telah dilantik oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi wakil pertama bagi menubuhkan perwakilan yang sama di Manila.

Pengiran Mashhor telah ditemani oleh dua orang atase yang juga akan bertugas di pejabat tersebut.

MANISNYA IMAN

"YA ALLAH! Jauhkan aku daripada syaitan dan jauhkanlah juga syaitan daripada apa yang Engkau kurniakan kepadaku." — HADIS Nabi riwayat Al-Bukhari.

(Lihat muka 16)



9 NOVEMBER, 1983

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

SAMA BERKEPENTINGAN :

ELAKKAN DARI MENJADI PUNCA DAN GELORAT

DALAM masa menjelang merdeka dan selepas kemerdekaan nanti rakyat dan Kerajaan akan sama menerima ujian dalam

mengekalkan kerjasama dan persefahaman yang selama ini bertanggungjawab memantapkan negara.

Inilah suatu ujian dalam kita memikul tanggungjawab bernegara dan berkerajaan. Lebih-lebih lagi dalam menentukan dan memastikan Brunei dan segenap isi di dalamnya akan sentiasa berkeadaan baik. Dan inilah sebenarnya keutamaan dalam kita mengenal pasti kepentingan-kepentingan kita.

Sebenarnya kita mempunyai asas yang kuat bagi mengatasi ujian tersebut. Usaha mengekalkan kerjasama dan persefahaman di antara rakyat dengan Kerajaan — seperti yang sudah kita buktikan menerusi pengalaman — bukanlah semata-mata dengan Kerajaan memberikan khidmat dan rakyat mengambil faedah daripadanya bahkan juga ialah dengan kedua-dua pihak saling mengawal daripada sesuatu yang boleh menjejaskan ataupun mengurangkan kerjasama dan persefahaman itu. Dalam hal ini tentulah tidak sesuai sekiranya salah satu pihak menjadi punca dan sebab gelorot kepada mana-mana pihak.

Alhamdulillah, setakat ini kita berjaya mengekalkan persefahaman dan kerjasama tersebut dengan masing-masing pihak berusaha

memelihara dan memupuk semangat persefahaman dan kerjasama itu. Kerana itulah dalam masa menjelang merdeka ini kita terus-menerus dapat mengekalkan keamanan dalam suasana yang serba mantap sehingga dapat meyakinkan negara-negara yang bersahabat yang memberi perhatian kepada isu kemerdekaan kita bahawa Kerajaan dan rakyat negara ini lebih mampu dan layak memilih jalannya sendiri. Sesungguhnya inilah kesan yang didapati oleh banyak pihak di luar negeri mengenai negara kita yang akan merdeka.

Dalam hubungan inilah, gerakan Penerangan yang dibuat mengenai kemerdekaan sentiasa berkisar pada tema utamanya iaitu menyerukan kesedaran bahawa kita sama-sama mempunyai negara yang kita semua berkepentingan di dalamnya. Untung nasib kita dan negara dalam jangka pendek dan jangka panjang adalah bergantung kepada kebijaksanaan menentukan jalan-jalan yang akan dilalui. Dan seruan ini ditegaskan lagi dengan meminta semua pihak akan sentiasa menyedari dan mengambil kira kepentingan kita yang sebenar iaitu untuk memelihara dan memastikan negara dan rakyat berkeadaan selamat dalam menempuh sebarang perkembangan berikutan pencapaian kemerdekaan.

Adalah sudah jelas bahawa kepentingan kita yang sebenar ialah untuk memelihara dan memastikan Negara Brunei akan terus-menerus kukuh dengan kita rakyatnya serta penduduknya meyakini dengan bangga sebagai ciri-ciri kehidupan kita di dalamnya. Kemerdekaan dan kebanggaan tersebut akan merupakan proses yang berterusan tetapi sentiasa menyempurnakan nanti kita semua akan merasa mempunyai kepentingan dan penglibatan kepada negara secara terhormat.

Seruan ini adalah sesuai dengan semangat patriotik yang diwariskan oleh datuk nenek kita dalam mempertahankan Brunei. Semangat yang sama sangat perlu sebagai tenaga penggerak perjuangan mengisi kemerdekaan. Sesungguhnya semangat patriotik ialah mempertahankan yang benar dan yang baik yang telah dicontohkan oleh datuk nenek kita dahulu adalah dapat dilihat hasilnya sehingga ke zaman kita ini manakala kita diperkembangkan oleh Allah s.w.t. terus-menerus memiliki negara Brunei sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam.

Itulah milik kita yang diizinkan Allah, kita bersama dan kita mempunyai kepentingan di dalamnya.

ILMU PENGETAHUAN PENTINGKAN “APPROACH”

ASSALAMUALAIKUM Wa-rahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan izin-Nya jua kita bersama akan dapat menyaksikan pada pagi ini satu lagi kemuncak usaha sama di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pelajaran dan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad di dalam bidang Sains dan Teknologi yang akan memainkan peranan yang semakin penting di dalam kemajuan sosio-ekonomi Brunei pada masa yang akan datang. Seperitimana yang kita semua ketahui hubungan di antara sains dan teknologi adalah rapat dan di dalam konteks perubahan-perubahan teknologi yang pesat sama ada bangsa dan budaya kita dapat mempertahankan daya kreatifnya di berbagai-bagai bidang khususnya di bidang-bidang ekonomi akan bergantung kepada kadar dan intensiti penyebaran teknologi-teknologi yang sesuai ke dalam masyarakat dan bangsa kita. Apa yang membezakan manusia yang bertamadun daripada monyet, gajah dan unta dari segi penyaaran hidupnya ialah peringkat kemajuan teknologi yang sudah dicapai oleh manusia.

“APPROACH”

Tahun-tahun kebelakangan ini merupakan suatu era di mana usaha-usaha mencari ilmu pengetahuan lebih memeningkan “approach” secara saintifik dan analitik. Ini telah melahirkan satu peringkat kemajuan yang merupakan satu revolusi dan dinamakan “revolusi bilangan” (quantitative revolution) di mana ilmu pengetahuan diperolehi dengan cara memproses, mengenal dan mentafsirkan data dan statistik.

Pada masa dulu, manusia menganalisa perkara-perkara yang sedang dan telah berlaku. Munculnya revolusi seperti yang saya katakan tadi membolehkan mereka

menganalisa perkara-perkara yang belum berlaku dan mungkin akan berlaku dan menimbang (evaluate) kesan-kesan, perubahan-perubahan yang akan dihadapi. Dalam keadaan seperti ini pertalian, sama ada dirancang atau tidak, di antara revolusi dan perkembangan teknologi-teknologi baru telah wujud. Ini telah mengakibatkan perkembangan teknologi yang amat pesat di bidang-bidang tertentu khususnya di bidang perindustrian dan perdagangan.

MERESAPI

Pada akhir-akhir ini, satu lagi hasil teknologi mulai meresap ke dalam kehidupan kita sehari-hari akibat daripada kemajuan-kemajuan dalam bidang telekomunikasi — telecommunication), khususnya, dalam bidang elektronik dan sistem perhubungan yang berkesan. Teknologi ini yang diberi nama “Teknologi Penerangan” (Information Technology) merupakan satu lagi revolusi yang penting yang sudah pasti akan semakin mempengaruhi dan mendatangkan kesan-kesan kepada kehidupan kita pada masa-masa yang akan datang.

Untuk menghadapi perkembangan-perkembangan baru ini, masyarakat kita hendaklah dan terpaksa membuat persediaan-persediaan bagi mengurangkan kesan-kesan “cultural shock” — iaitu kesan-kesan ketinggalan zaman.

Satu cara yang paling berkesan untuk mencapai matlamat itu ialah dengan memberikan kanak-kanak yang masih di bangku sekolah bimbingan dan keperluan-keperluan bagi menghadapi kehidupan dalam masyarakat di mana alat-alat

dan sistem-sistem yang berasaskan kepada mikroelektronik menjadi satu perkara biasa. Dalam hubungan ini, agensi yang paling berkesan untuk membuat persediaan-persediaan awal ialah institusi-institusi pendidikan kerana institusi-institusi itu mempunyai kepimpinan dan sumber manusia untuk mengendalikan dan mentadbirkan segala yang diperlu. Sebab itulah, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, hasil dari usaha dan inisiatif orang-orang perseorangan dan badan-badan pendidikan, penggunaan komputer telah meresapi ke dalam Kurikulum Sekolah. Tentang Soal sejauh manakah perkara ini sudah meresap, beberapa kajian di Amerika Syarikat dan United Kingdom telah menunjukkan bahawa projek-projek seperti, “Computer Assisted Learning”, (CAL) “Computer Managed Learning (CML)”, “Computer Based Learning (CBL)”, “Computer Aided Instruction (CAI)”, semakin berkembang di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Di sini saya ingin menegaskan bahawa saya tidaklah bermaksud agar projek-projek seperti ini dikenalkan kepada sekolah-sekolah di negara kita dengan cara mengejut. “Jumping on the band wagon” atau langkah terburu-buru untuk memakai atau mengguna sesuatu yang baru, menurut pengalaman, telah mendatangkan keburukan kepada sistem persekolahan. Kita patutlah berhati-hati menghadapi inovasi-inovasi walaupun pada hakikatnya inovasi-inovasi itu telah mendatangkan kebaikan dan faedah kepada sistem-sistem persekolahan di negara-negara lain. Bagi peringkat permulaan, Projek Komputer

Dalam Pendidikan akan dikenalkan di Negara ini sebagai salah satu Kegiatan Kegiatan Luar (Extra Curricular Activities) dan tidak melibatkan pengajaran dan pembelajaran formal. Tetapi walau bagaimanapun adalah diharapkan sesudah projek ini berjalan dalam beberapa ketika nanti maka sambutan dan kemahiran dari kalangan penuntut-penuntut dan guru-guru akan mencapai ke tahap di mana projek Komputer Dalam pendidikan ini dapat dinaikkan ke peringkat yang lebih formal di dalam Kurikulum sekolah jika difikirkan perlu dan berpatutan.

Saya ingin mungungkan satu isu yang telah menjadi topik perbincangan hangat di kalangan ahli-ahli pendidikan dan di ruangan-ruangan media massa. Kita semua termaklum bahawa masyarakat umum mempunyai perasaan berbelah bagi terhadap teknologi komputer, khususnya, rancangan-rancangan komputer yang mirip kepada “video games”.

MEROSAKKAN

Ada segolongan masyarakat mengatakan bahawa rancangan-rancangan komputer, terutama sekali, “video games” seperti “Pac Man”, “Monster” dan lain-lain lagi, merosakkan kehidupan rumah tangga, menjejaskan masa pelajaran kanak-kanak dan menggalakkan kelakuan negatif seperti merosakkan harta benda dan menghabiskan naluri-menggunakan. Ini mungkin berlaku jika sekiranya kawalan dan pimpinan dari pihak-pihak tertentu iaitu ibu bapa dan guru-guru, tidak dimetrikkan terlebih dahulu.

Di sebaliknya pula, penggunaan komputer lebih banyak

mendatangkan faedah-faedah dari keburukan-keburukan. Misalnya, komputer boleh membantu kanak-kanak dalam menghadapi pelajaran sekolah dan, pada masa ini, banyak komputer telah dirancang bagi keperluan pelajaran. Baru-baru ini, melalui “voice-synthesizers” kanak-kanak yang bisu seumur hidupnya telah mulai boleh bercakap. Di samping itu, komputer juga sedang digunakan untuk membantu kanak-kanak cacat dalam pelajaran mereka. Saya tidak bermaksud untuk membahaskan atau membentangkan hujah-hujah mengenai kebaikan-kebaikan teknologi komputer. Maksud saya di sini adalah setakat menekankan bahawa sebuah alat komputer boleh menjadi sebuah alat yang paling berguna kepada kanak-kanak untuk menghadapi zaman ini dan akan datang yang penuh bergelora dengan perubahan-perubahan teknologi yang pesat. Dalam konteks ini, peranan yang dimainkan oleh guru-guru yang akan bertanggungjawab untuk mengendalikan kelas-kelas komputer di sekolah-sekolah amatlah penting. Saya ingin mengingatkan guru-guru yang akan menjalani Kursus dalam Perkhidmatan bagi Komputer Dalam Pendidikan bahawa kursus ini disediakan adalah semata-mata bagi kepentingan penuntut-penuntut bukan bagi kepentingan Cikgu-Cikgu sendiri. Pelajaran dan kemahiran yang Cikgu-Cikgu perolehi dari kursus ini hendaklah dicurahkan kepada penuntut-penuntut yang sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan. Seterusnya, kemajuan dan kemunduran kelas-kelas komputer di sekolah-sekolah Cikgu bergantung kepada inisiatif, tenaga dan kepimpinan Cikgu. Tugas Cikgu yang

BERIKUT ialah ucapan Pemangku Pengarah Pelajaran, Dato Paduka Awang Selamat bin Munap semasa merasmikan Kursus Dalam Perkhidmatan Komputer Dalam Pendidikan kali pertama yang berlangsung di Dewan Jubli Perak, Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkiah Gadong pada 31 Oktober, 83.

memerlukan tumpuan perhatian sepenuh masa akan bermula sebaik-baik sahaja Cikgu-Cikgu balik ke sekolah masing-masing. Saya rasakan yang saya katakan ini amat penting. Dari itu, saya sangat berharap dan bertaqarrub kepada guru-guru yang memahami ucapan saya ini supaya menyampaikan pesanan saya ini kepada mereka yang belum sempat mengikuti atau mendengar dan bertutur dalam bahasa Melayu.

MENGALAKKAN

Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Shell Brunei Berhad dan Jabatan Pelajaran dan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad untuk menajarkan Projek ini. Saya dijamin akan berjaya dalam membuat persediaan awal bagi melaksanakan Projek Komputer Dalam Pendidikan ini perhubungan yang telah terjalin di antara Jabatan Pelajaran dan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad. Saya juga akan memberi “commitment” yang sangat menggalakkan.

Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Dr. Tan Weng dari Curriculum Development Institute of Singapore Republik Singapura yang telah berkhidmat sebagai penasihat dan penasihat yang amat berguna.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menyertai projek ini.

Sekian, walaikum walaikum.

Untuk cerminkan keindahan: JURUGAMBAR PERLU HATI-HATI AMBIL GAMBAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam akan dapat ditunjukkan secara yang lebih berkesan kepada negara-negara di dunia ini melalui gambar-gambar yang menarik. Oleh itu para jurugambar adalah diarahkan agar akan berhati-hati ketika mengambil gambar negara ini untuk mencerminkan keindahannya.

Y.T.B. Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa menyerukan demikian di dalam perutusannya di Buku Kenangan Pameran Senifoto 1983 "Negara Brunei

Darussalam".

Yang Teramat Berhormat telah merasmikan pameran tersebut pada pagi hari Ahad 30 Oktober lepas bertempat di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Selepas sempurna perasmian, tetamu kehormat dan para jemputan telah menyaksikan pertunjukan gambar-gambar slaid yang dipertandingkan di peraduan itu.

Yang Teramat Berhormat telah dipersilakan untuk menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang sebelum menyaksikan lebih 100 keping gambar-gambar yang dipamerkan.

Terdahulu dari itu, ketibaan Yang Teramat Berhormat telah dialu-alukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Peraduan Senifoto, Awang Haji Kamaluddin bin Pehin Dato Panglima Haji Abu Bakar dan ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Dalam Bahagian A (Orang-orang Kenamaan dan Ketua Pejabat/Firma) - Slaid Warna tempat pertama dimenangi oleh Awang Matdanan bin Hj. Jaafar; tempat kedua, Awang Abd. Rahman bin Abd. Kani dan tempat ketiga dimenangi bersama oleh Awang Matdanan bin Hj. Jaafar dan Pg. Yaakub bin Pg. Muda Haji Hashim.

Dalam bahagian gambar warna pula, Awang Hj. Kassim bin Daud telah memenangi tempat pertama diikuti oleh Awang Ronald Swinden; dan tempat ketiga ialah Pg. Yaakub bin Pg. Muda Hj. Hashim.

Dalam bahagian B (Terbuka kepada Warganegara dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam) slaid



PEMENANG hadiah pertama Bahagian B (Gambar Warna) Awangku Abu Bakar Pg Haji Osman sedang menerima hadiah.

warna tempat pertama telah dimenangi oleh Awang Hj. Arpan bin Mohammad; tempat kedua dimenangi oleh Awang Apang bin Hj. Puteh; dan tempat ketiga dimenangi bersama oleh Awang Shamsudin bin Idris dan Awang Lim Thian Siong.

Manakala dalam Gambar Warna pula, ianya telah dimenangi oleh Ak. Abu Bakar bin Pg. Hj. Osman; tempat kedua dimenangi oleh Awang Amat bin Moksin; dan hadiah ketiga pula dimenangi oleh Awang K.S. Mah.

Dalam bahagian Gambar Hitam Putih, Awang Hj. Arpan bin Mohammad memenangi tempat pertama dan ketiga; sementara hadiah kedua dimenangi oleh Awang Omar bin Hj. Mohammad.

Sementara itu dalam bahagian C yang terbuka kepada penuntut sekolah dan maktab - bahagian Gambar Warna - hadiah pertama dan kedua telah dimenangi oleh Awang Muslim bin Hj. Mohd. Yusoff dan tempat ketiga dimenangi oleh Awang Mahli bin Abd. Rahman.

Dalam bahagian Gambar Hitam Putih, tempat pertama telah dimenangi oleh Awang Muslim bin Hj. Mohd.

Yusoff; tempat kedua dimenangi oleh Awang Marsini bin Hj. Marsin; dan dua hadiah di tempat ketiga telah juga dimenangi oleh Awang Marsini bin Hj. Marsin.

Dua hadiah penghargaan telah juga disampaikan. Awang Haji Arpan bin Mohammad telah menerima satu tiket penerbangan ke Hongkong pergi balik Sementara Awang Matdanan bin Hj. Jaafar pula menerima sebuah kamera.

Sebuah cenderamata kenangan telah disampaikan kepada tetamu kehormat oleh Pengerusi Jawatankuasa Peraduan Senifoto.

Pameran yang berlangsung selama 5 hari itu dianjurkan oleh Pertubuhan Fotografi Brunei sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-57 tahun.

Di antara yang hadir di majlis perasmian itu ialah Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei, Pg. Badaruddin bin Pengiran Ghani dan pegawai-pegawai kanan RTB; dan lain-lain jemputan khas.

Pejabat Pos Tutong dibina

TUTONG. — Kerajaan sedang membina sebuah bangunan pejabat pos di Daerah Tutong yang menelan belanja kira-kira \$400.00.

Satu majlis bagi memulakan kerja-kerja 'membangun' di tapak pejabat pos baru tersebut telah diadakan pada hari Selasa lepas yang telah disempurnakan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Ahmad bin POKD Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof. **(Gambar bawah)**

Ianya dibina berhampiran dengan Pejabat Daerah Tutong di sini dan akan dijangka siap pada bulan Julai tahun depan.

Hadir sama ialah Ketua Pos Agung, Dato Paduka Pengiran Haji Jaludin bin Pengiran Mohd. Limbang, pegawai-pegawai Jabatan Pos dan Jabatan Kerja Raya. Majlis itu diakhiri dengan bacaan doa selamat.

Sementara itu sebuah bangunan pejabat pos yang sama sedang dalam pembinaan di Muara sejak awal bulan September lepas.



Boeing 737 kembali ke RBA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesawat Boeing 737 kepunyaan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) yang disewakan kepada Syarikat Penerbangan Sebangsaan Sri Lanka telah kembali ke negara ini awal bulan ini.

Pesawat tersebut adalah merupakan yang pertama dimiliki oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei sebelum pembelian dua buah pesawat serupa yang digunakan oleh syarikat tersebut ketika ini.

Bagaimanapun ianya telah diserahkan kepada syarikat Penerbangan Sri Lanka kira-kira tiga tahun lalu atas persetujuan di antara dua buah syarikat berkenaan.

Kepulangan boeing yang telah menyempurnakan perkhidmatannya dalam tempoh yang dijanjikan itu telah dialu-alukan oleh pegawai-pegawai Syarikat Penerbangan Diraja Brunei di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Menurut satu siaran akhbar syarikat tersebut, pesawat berkenaan kini sedang menjalani kejuruteraan pemeliharaan di hangar bangunan penerbangan Diraja Brunei.

Kerja-kerja pembaikan itu adalah meliputi penelitian ke atas enjin dan memperbaiki mana-mana bahagian yang rosak di dalam pesawat tersebut.

Pesawat itu juga akan dicat semula mengikut lambang dan warna bagi pesawat Syarikat Penerbangan Diraja Brunei sebelum ianya digunakan bagi perkhidmatan penumpang awal bulan depan seperti yang diharapkan.



BOEING 737 tersebut yang sedang dalam pemeliharaan

JADUAL LAWATAN PERKHIDMATAN DOKTOR UDARA

Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan	22.11.1983	Kg. Bukit, Ulu Tutong.
Perubatan akan meneruskan lawatan ke kawasan-kawasan pedalaman pada tarikh dan tempat yang tersebut di bawah ini.	23.11.1983	Kg. Teraja dan Kg. Apak-Apak, Ulu Belait.
	28.11.1983	Kg. Buau, Ulu Belait.
	29.11.1983	Kg. Benutan, Ulu Tutong.
	30.11.1983	Kg. Mapol, Ulu Tutong.
TARIKH	TEMPAT	
9.11.1983	Kg. Sukang, Ulu Belait.	
14.11.1983	Kg. Belabau, Ulu Tutong.	
15.11.1983	Kg. Melilas, Ulu Belait.	
16.11.1983	Kg. Supon Besar, Ulu Tutong.	
21.11.1983	Kg. Long Mayan dan Supon Kechil, Ulu Tutong.	

Penerbangan tambahan doktor udara akan diadakan ke Kg. Merangkang, Ulu Belait, pada bulan ini, jika sekiranya keadaan jalan raya tidak dapat dilalui oleh kenderaan disebabkan banjir. Kalau banjir berlaku maka tarikh lawatan akan ditetapkan lebih awal dari itu.

Jawatankuasa Kemerdekaan dibentuk

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mukim Peramu telah mengadakan satu mesyuarat minggu lalu untuk melantik ahli-ahli jawatankuasa penyelenggara sempena perayaan hari Kemerdekaan.

Mesyuarat telah melantik Penghulu Mukim tersebut selaku Penasihat, Pengiran Haji Jadid bin Pengiran Haji

Omarali selaku Pengerusi, dan Zahari Jais selaku Naib Pengerusi.

Seriusaha ialah Awang Salleh bin Kayum, Penolong Setiausaha — Awang Mansur bin Jaafar, Bendahari — Haji Chuchu bin Jambul dan Penolong Bendahari — Haji Yusoff bin Salleh.

Pemeriksa dan Penolong Pemeriksa kira-kira juga telah dilantik. Mereka ialah Awang Md Noor Metussin dan Awang Zahari Haji Sulaiman.

Sementara itu lima ahli jawatankuasa juga telah dilantik yang terdiri daripada lima orang dari setiap kampung dalam mukim tersebut.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

PENUBUHAN BANK PERNIAGAAN BAGI ORANG ISLAM (Siri ke-199)

PENDAHULUAN

KARL Marx berkata: "Bahawa tiap-tiap aturan pergaulan itu membawa dalam dirinya akan sebab-sebab binasanya, dan ia telah mencubakan di atas segala aturan pergaulan, Karl Marx mengambil pendapatnya itu daripada pendapat Professor Hagel bangsa Jerman. Adakah kaedah ini benar?"

Adapun agama Islam agama manusia seluruhnya, tiada pilih Timur atau Barat, Utara atau Selatan semuanya manusia belaka, Islam agama Allah yang kekal dan tetap sehingga hari kiamat, setelah Ia turunkan beberapa Syariat dan agama sebelumnya yang telah dianjur dan dibawa oleh Rasul-Rasul Allah yang dahulu daripada Nabi Muhammad s.a.w.

Agama Islam telah dianjurkan oleh Rasul Allah Sayidina Muhammad s.a.w., kesudahan dan pengakhir Rasul-Rasul dan Nabi-Nabi Allah, tiada seorang Rasul atau seorang Nabi pun diutus kepada manusia selepas Nabi Muhammad s.a.w. itu.

Manusia sekarang dan umat-umat serta bangsa-bangsa pada masa ini berhubung dan bersatu, mengadakan berbagai-bagai kongres, perjanjian dan persekutuan bagi menyatukan hubungan dan menyelesaikan perselisihan bagi hidup bersama aman dan damai. Dunia telah menjadi dekat dan kecil dengan adanya kapal terbang, televisyen, radio, wireles dan lain-lain dari rekaan baharu yang dicipta oleh akal manusia yang lemah itu, itulah rahsia yang Allah menyatukan umat

manusia seluruhnya di bawah panji-panji yang satu, Tuhan yang Esa (satu), Nabi yang satu, agama yang satu, dan saudara yang satu iaitu persaudaraan Islam.

HUKUM ALLAH SESUAI

Dari apa yang tersebut, maka hukum-hukum Allah yang dikenakan ke atas manusia itu adalah meliputi kepada segenap manusia di mana-mana mereka itu berada dan bila-bila masa mereka itu berada dan sudah tetap hukum-hukum itu bersetuju, sesuai, munasabah, padan dan layak dengan manusia yang berbagai corak rupa dan ragam itu. Hukum-hukum itu boleh diterima oleh manusia pada mana-mana tempat dan bila-bila masa dengan tiada berat dan tiada ringan penuh dengan muslihat dan faedah serta jauh dari segala kesusahan dan kerugian.

Bila kita berkata tentang hukum-hukum Islam maksudnya ialah hukum-hukum Islam dari segala segi dan dari segala masalah dan perkara dan tiadalah kita melihat hukum-hukum itu satu-satunya atau dari satu seginya, kerana melihat satu-satunya dengan tiada melihat dari segala seginya itu, tiadalah boleh nampak dengan jelas akan kesempurnaan Islam pada memimpin manusia sebagai agama Allah yang terakhir dan

yang dipilih oleh Allah menjadi agama manusia, dan sesempurna agama Allah sebagaimana yang telah tersebut dalam Quran.

Manusia yang banyak ragam yang bermacam tabiat dan kelakuan serta haluan itu pada taat menjunjung titah perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya adalah bermacam-macam, setengahnya menerima dan taat setia kepada-Nya, setengah orang menerima setengah hukum yang bersetuju dengan hawa nafsunya, dan meninggalkan setengah hukum yang tiada bersetuju (sesuai) dengan hawa nafsunya, setengah yang lain tiada taat langsung kepada hukum-hukum Allah dan menolaknya iaitu orang kafir, dan setengahnya beriman betul dengan hukum-hukum Allah dan menolak kafir, dan setengahnya beriman betul dengan hukum-hukum Allah, tetapi mereka itu tiada taat ia itulah orang Islam yang Fasik, ada pula setengahnya beriman kepada setengah-setengah hukumnya dan menolak dan menuduh akan setengahnya itu jika dahulunya ia Islam, maka sekarang ia telah murtad, keluar daripada agama Islam kerana ia telah mendustakan setengah-setengah kandungan Iman (menolak setengah-setengah isi Quran

dan Hadis Rasul-Nya Sayidina Muhammad s.a.w. yang wajib dan mesti dan tak dapat tiada ia beriktikad, berpegang dan beriman kepada-Nya).

Agama Islam mempunyai lima dasar pada mendapatkan kebahagiaan iaitu mengawal nyawa, mengawal nasab, mengawal harta, mengawal agama, mengawal nama baik.

ANTARA JENIS PERNIAGAAN

Oleh yang demikian, agama Islam telah mengaturkan cara-cara mencari dan mengumpul harta, agama membenarkan berjual beli dan meletakkan syarat-syarat padanya, membenarkan (jual beli secara) mengoder (tempahan atau salam, dan meletakkan syarat-syarat baginya, membenarkan berhutang dan meletakkan syarat-syarat padanya, membenarkan hiwalah (menjual hutang; misal, A berhutang kepada B dalam pada itu A berhutang kepada C. A meminta kepada B supaya menjelaskan hutangnya dalam jumlah yang sama kepada C sahaja) dan meletakkan syarat-syarat padanya, membenarkan berkongsi dengan syarat-syaratnya, membenarkan qirat (suatu pihak mengeluarkan modal dan pihak yang lain men-

jalankan perniagaan dengan modal itu) dan membenarkan meminjam dengan syarat-syaratnya, dan menyeru berbuat baik, sedekah dan wakaf dan memberi hutang dengan tiada mengambil bunga atau sebarang faedah maka semuanya ini menunjukkan agama Islam menyeru pada berniaga dan berusaha untuk kehidupan yang baik.

Pada mencari kebahagiaan dan harta hendaklah dengan cara yang terang nyata tiada samar-samar dan tipu daya dan sangkai. Masalah jual beli dalam Islam adalah suatu masalah yang luas pembicaraannya dan kajiannya dengan syarat-syarat yang terang dan tegas tiada bertam belit, dan Islam mengharuskan jual beli yang mengandungi Gharar (tiada diketahui akibat sesuatu benda itu atau samar-samar padanya).

Dari itu nyatalah pendapat Karl Marx itu tidak betul kerana ia adalah fikiran manusia yang lemah sedang agama Islam ialah agama Allah Yang Maha Kuasa lagi Yang Maha Mengetahui. Agama Islam agama yang lengkap dan sesuai hidup pada setiap tempat dan masa.


(Bersambung)

(WALLAHU A'ALAM)

Peraduan mencipta logo PDI

JABATAN Hal Ehwal Uagama kini mempelawa pelukis-pelukis tanahair dalam peraduan mencipta logo untuk Pusat Dakwah Islamiah Brunei. Syarat-syarat peraduan tersebut adalah seperti berikut:

1. Peraduan terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Masa peraduan dalam tempoh dua bulan mulai 17 Oktober 1983.
3. Ciptaan logo adalah bebas tetapi hendaklah meliputi tujuan-tujuan pembentukan Pusat Dakwah Islamiah iaitu:
 - a) Pusat Dakwah Islamiah akan menjadi sebuah institusi perkembangan Islam Brunei yang boleh memberi sumbangan kepada umat Islam dalam negara dengan mengadakan usaha-usaha pada mempertingkatkan pengetahuan mereka terhadap Islam sesuai dengan perkembangan dunia sekarang dan juga kepada umat Islam di dunia Islam.
 - b) Pusat Dakwah Islamiah akan menjadi 'Rumah' Sejarah Islam di Brunei, tempat menyimpan 'TURATH' (Ristaan) Islam di negara ini.
4. Logo hendaklah mengandungi tiga jenis tulisan yang berikut:
 - a) Tulisan Jawi
فوسة دعوة اسلاميه
 - b) Tulisan dalam bahasa Inggeris (ISLAMIC DAKWAH CENTRE)
 - c) Tulisan dalam bahasa Arab
مركز الدعوة الاسلامية
5. Lambang Pejabat Hal Ehwal Uagama Brunei hendaklah dimasukkan dalam logo tersebut.
6. Ciptaan-ciptaan hendaklah asli tidak ditiru atau dipadankan dari mana-mana logo yang ada.
7. Ukuran rekabentuk logo yang dikehendaki tidak kurang dari 1 kaki persegi. Hakim dan keputusannya adalah muktamad.
8. Peraduan ini akan diakhiri oleh sebuah panel hakim dan keputusannya adalah muktamad.
9. Hadiah rekabentuk akan diberikan kepada pencipta yang terpilih sebanyak \$2,000.00 (dua ribu ringgit sahaja) dan ciptaan yang menang akan menjadi hakmilik Pusat Dakwah Islamiah dan Pusat Dakwah Islamiah berhak mengubah rekabentuk logo tersebut menurut keperluan-keperluannya.
10. Semua ciptaan rekabentuk logo hendaklah sampai dan dikirimkan kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama tidak lewat pada hari Sabtu 17 Disember 1983.



Majlis Khattamal Quran

PEKAN BANGAR — Majlis Khatam Al-Quran bagi seramai 30 orang murid-murid sekolah-sekolah agama di Daerah Temburong telah berlangsung di Dewan Kemasyarakatan daerah tersebut di sini. Menjadi tetamu kehormat pada hari itu dan seterusnya mendahului upacara menepung tawar

ialah Awang Abd. Aziz bin Mohammad, Pemangku Pegawai Daerah Temburong. (gambar atas).


Majlis tersebut telah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Piah, Nazir Lawatan Sekolah-Sekolah Uagama Daerah Temburong. Hadir sama ialah

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Raja Awang Haji Abu Bakar bin Baha, Yang Berhormat Pehin Dato Pekerma Dewa Awang Haji Abd. Rahim bin Akim, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pegawai-pegawai Uagama. Doa Khatam telah dibacakan oleh Awang Viratomo bin Haji Nordin,

salah seorang murid yang dikhatamkan. Majlis pada hari tersebut diserikan lagi dengan persembahan Marhaban oleh guru-guru dan murid-murid sekolah-sekolah agama daerah tersebut. Majlis ditutup dengan bacaan doa selamat oleh Imam Awang Suhaili bin Ibrahim.

MENGAUT UNTUNG DENGAN RIBA

KHUTBAH JUMAAT



MARILAH kita ber- dengan mengamalkan segala apa jua suruhan-

BERBEKAM:

PERUBATAN MENGIKUT NABI

Oleh: Haji Mohd. Nur Lubis

Bingkisan minggu ini

SETELAH datang dan berkembangnya perubahan secara moden, perubahan secara tradisional sudah mulai di lupakan, bahkan ada di antara sebahagian manusia yang membenci dan yang langsung tidak percaya, dengan perubahan secara tradisional tersebut, memang banyak di antara cara perubahan ini yang salah, yang dapat membawa kepada syirik dan tidak sesuai dengan ajaran agama Islam dan inilah yang sepatutnya di lupakan dan di jauhi, akan tetapi bila cara dan amalnya tidak menyalahi ajaran Islam dan berpedoman kepada Sunnah Rasul adalah semestinya di amalkan dan seeloknyalah di amalkan serta dikembangkan.

Di antara perbuatan secara tradisional yang sangat terkenal dan semesta diamalkan oleh orang-orang tua kita dahulu kala, terutama apabila mereka merasakan sakit kepala atau sakit belakang, namun ia sudah mulai di tinggalkan.

Di dalam beberapa hadis ada dijelaskan, bahawa Nabi besar kita Muhammad s.a.w. pernah berbekam dan menyuruh sahabat supaya berbekam.

Antaranya ialah Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Abdullah bin Abbas yang maksudnya:

"Nabi Muhammad s.a.w. pernah berbekam di kepala Baginda, kerana sakit kepala dan Baginda ketika itu sedang Ihram."

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh At-Termizi dari Abdullah bin Mas'ud yang bermaksud: "Kata Ibnu Mas'ud r.a. Rasulullah s.a.w. pernah memberitahu peristiwa malam Israknya Baginda, bahawa setiap Baginda berlalu dekat Malaikat, mereka semua menyuruhnya dengan berkata: "Wahai Muhammad suruhlah umatmu berbekam."

Mengenai masa atau hari berbekam itu pula telah diterangkan Nabi dalam hadis Baginda yang maksudnya: "Siapa yang berbekam pada 17, 19 atau 21 haribulan, berbekam itu akan menjadi ubat baginya dari segala penyakit." Hadis riwayat Abu Daud.

Marilah kita amalkan dan hidupan perubahan secara tradisional jika ianya benar-benar tidak bertentangan dengan Islam apatah lagi jika ia memang berasaskan kepada Sunnah Rasulullah. seperti Berbekam ini.

Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Kita telah biasa mendengar perkataan riba, riba adalah juga dosa besar yang sangat-sangat dilarang oleh Allah Taala. Firman Allah dalam surah Ali-Imran ayat 130 yang tafsirannya:

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan riba yang berlipat ganda itu, dan takutlah kepada Allah mudah-mudahan kamu berjaya."

MENGHARAMKAN YANG HALAL

Orang yang meng- haruskan riba bermakna ia menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah Taala. Keadaan orang itu telah diceritakan oleh Allah di dalam Al-Quran Suratul Baqarah ayat 275, bahawa pada hari kiamat kelak manusia semuanya dibangkitkan dalam keadaan tegak dan bersegera kecuali pemakan-pemakan riba atau yang melakukan riba, mereka bangun dan kemudian jatuh semula, bangun dan jatuh lagi. Begitulah keadaan mereka berulang-ulang. Kerana riba yang pernah mereka makan itu memberati perut-perut mereka pada hari kiamat. Di dunia mungkin tidak berkesan apa-apa, tetapi di akhirat pada hari kiamat kelak, ia seolah-olah batu-batu yang besar dikandung ia dalam perut-perut pemakan-pemakannya.

Berkata Qatadah, seorang ahli tafsir dan hadis dari kalangan tabien yang mati tahun 117 Hijrah, "Bahawa pada hari kiamat kelak, pemakan-pemakan riba itu akan dibangkitkan sebagai orang gila." Dan dari Abu Said Al-Khudri Radhiallahu Anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. ketika Baginda diisrakkan telah bercerita melihat sesuatu kaum perut-perut mereka besar-besar seperti rumah yang sangat besar

"Orang yang makan dan melakukan riba adalah orang-orang yang mengaut keuntungan dan kesenangan dari penderitaan orang lain"

memberati mereka. Mereka itu ialah orang-orang yang memakan riba.

Sementara dari Abdur Rahman bin Abdullah bin Masud dari bapanya telah meriwayatkan pula: "Bahawa bilamana dalam sesebuah negeri itu telah zahir dan berterang-terang orang melakukan zina dan riba, maka Allah pun berkenan dengan kehan-curannya." Hadis ini sanadnya bagus dan disahkan oleh Al-Hakam.

MENGAUT KEUNTUNGAN

Dari keterangan-keterangan ayat-ayat Quran dan hadis di atas, jelasnya kepada kita bahawa riba itu sesuatu perkara yang amat dikutuk oleh Allah, kerana akibatnya yang sangat buruk kepada masyarakat. Orang yang makan dan

melakukan riba adalah orang-orang yang mengaut keuntungan dan kesenangan dari penderitaan orang lain. Sedangkan agama Islam tidak merelakan yang demikian itu. Agama Islam tidak membenarkan penindasan, melarang penzaliman, sebaliknya memupuk dan menggalakan timbang-rasa, berat sama dipikul ringan sama dijinjing, sedap sama dirasa dan sakit sama-sama dideritai. Inilah dasar Islam, yang mengharamkan setiap apa jua corak atau bentuk penindasan itu, walaupun sedikit. Barangkali ada orang berpendapat, bahawa riba yang sedikit tidak mengapa, kerana itu tidak akan menjejaskan kesejahteraan orang yang membayar atau diambil daripadanya riba. Pen- dapat ini terang salahnya.

Perkara haram tidak dibezakan banyak sedikit. Yang sedikit itu boleh membawa banyak. Tidak akan ada seratus atau seribu atau sejuta kalau tidak ada satu sen. Penyakit, dari kecil kepada besar. Kerana itu, satu tempayan arak sama hukumannya dengan setitik sahaja, sama ada tuan mabuk atau pun tidak jika meminumnya, adalah sama sahaja haramnya. Insya-Allah, kita akan bercakap lagi kemudian mengenai dengan arak ini.

Begitulah, mudah-mudahan penerangan-penerangan yang ringkas-ringkas ini ada manfaatnya kepada umat Islam, dan akan sentiasa diambil berat oleh kita bersama.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 9 November, 1983 hingga ke hari Selasa 15 November, 1983 adalah seperti di bawah ini:—

Hari	Bulan	Zuhur	Asar	Maghrib	Ishyak	Imsak	Subuh	Matahari Terbit
9 Nov		12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06
10 Nov		12.10	3.28	6.07	7.22	4.34	4.49	6.06
11 Nov		12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07
12 Nov		12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07
13 Nov		12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07
14 Nov		12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07
15 Nov		12.11	3.29	6.07	7.22	4.35	4.50	6.07

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.

Perubahan pusat peperiksaan

ADALAH dimaklumkan kepada semua calon-calon yang berkenaan. Penyelidikan Peperiksaan Daerah, Ketua Pengawas dan Penolong penolong Pengawas bagi peperiksaan yang tersebut di atas, bahawa oleh sebab sesuatu perkara yang tidak dapat

dilakkan, maka dua buah pusat peperiksaan yang berikut terpaksa dipindahkan ke pusat yang baharu. Pusat-pusat itu ialah:—

Pusat 861 — Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah

Sains, dipindahkan ke Sekolah Melayu Menglait, Jalan Gadong.

Pusat 866 — Sekolah Persediaan Inggeris Mabohai Bandar Seri Begawan, dipindahkan ke Sekolah Melayu Pintu Malim, Jalan Kota Batu.



Dayang Norhazlin bte Abdullah

Memeluk agama Islam

TUTONG. — Satu majlis pengislaman bagi seorang gadis Iban Dayang Embong Anak Bakom telah diadakan di rumah Yang Mulia Awang Tahabit bin Haji Mohd Noor bertempat di No. 19 Kampung Bakiau pada 27 Oktober yang lalu.

Dayang Embong telah memilih nama Islamnya sebagai Dayang Norhazlin bte Abdullah dan telah melafazkan ikrar Islamnya dihadapan Cikgu Hajjah Salmah bte Haji Abdul Ghani. Hadir sama pada malam itu ialah Pemangku Penguasa Dakwah dan Tabligh Awang Haji Mahalle bin Haji Abdullah, Pemangku Kadzi Daerah Tutong Awang Haji Mohd Lazim bin Metali, Pegawai Pegawai Agama dan penduduk-penduduk Kampung Bakiau. Majlis telah diserikan dengan Zikir Marhaban.

Kedudukan bukan kerakyatan 1 Januari 1984

PEKAN TUTONG. — Tanggungjawab British ke atas orang-orang naungannya di Brunei akan tamat apabila saja negara ini merdeka sepenuhnya pada 1 Januari yang akan datang.

Orang-orang naungan British yang bukan menjadi rakyat Brunei itu tetapi berkediaman tetap di Brunei akan terus dibolehkan tinggal di negara ini dan mereka boleh menjadi rakyat Brunei jika mereka memohonnya tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Undang-Undang Taraf Kebangsaan Tahun 1961.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Pengarah Penerangan Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman semasa menjawab pertanyaan mengenai kedudukan orang-orang naungan British (British Protected Persons) di Brunei selepas merdeka di satu ceramah sivik bagi penuntut-penuntut Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di Tutong pada pagi Rabu lepas.

Menurut beliau, orang ramai patutlah menyanjung tinggi kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kerana berjaya mempertahankan Undang-Undang Taraf Kebangsaan Tahun 1961 sebagai undang-undang yang akan terpakai dalam menentukan taraf orang-orang yang bukan rakyat negara ini selepas merdeka.

Kerana, menurut Awang Haji Badaruddin, bagi sebuah negara yang akan merdeka lazimnya perkara taraf orang-orang asing selepas merdeka akan menjadi isu yang berat untuk diselesaikan. Tetapi Alhamdulillah dengan berkat kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda perkara tersebut tidak lagi menjadi isu dalam Brunei mencapai kemerdekaannya.

"Hasilnya apabila Brunei merdeka ia tidak akan secara



SOAL jawab dengan Pengarah Penerangan adalah salah satu cara untuk mengesahkan majlis itu. Di atas kelihatan Pengarah Penerangan sedang bersoal jawab dengan penuntut-penuntut di Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong.

automatik menerima orang-orang asing yang sudah berkediaman tetap di negara ini menjadi rakyatnya. Tidak ada formula 'rakyat pada hari merdeka' akan diperkenalkan di Brunei," tegas Awang Haji Badaruddin.

Terdahulu dari itu, Pengarah Penerangan telah menyampaikan ceramah 'Latar Belakang Pencapaian Kemerdekaan Brunei Darussalam'.

Majlis yang dihadiri oleh kira-kira 400 orang penuntut dan guru-guru mereka itu telah dipengerusikan oleh Cikgu Lani bin Haji Ismail dan telah didahului dengan ucapan alu-aluan pengetua sekolah tersebut, Cikgu Moxin bin Haji Abd. Kadir selaku pengerusi jawatankuasa majlis.

GADONG. — Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin menegaskan untung nasib kita dan negara pada masa ini dan juga pada masa yang akan datang adalah bergantung kepada kebijaksanaan kita menentukan jalan-jalan yang akan dilalui dalam berkerajaan dan bernegara.

Untuk itu, katanya apa pun perkembangan yang sedang dan akan kita tempuh berikutan pencapaian kemerdekaan hendaknya kepentingan kita sebenar

tidak akan terjejas iaitu untuk memelihara dan memastikan Brunei akan terus menerus kukuh di mana rakyat serta penduduknya meyakini dengan bangga segenap ciri-ciri keBruneian.

Pengarah Penerangan menyerukan demikian di Majlis Perjumpaan bagi penduduk Mukim Gadong yang berlangsung di Dewan Pusat Tingkatan Enam pada pagi Jumaat lepas.

Mengenai seruan tersebut beliau menegaskan tidak ada

Sivik di Pusat Tingkatan Enam

GADONG. — Rancangan Sivik ke sekolah-sekolah dan maktab-maktab yang dianjurkan oleh Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Brunei, dengan kerjasama Jabatan Pelajaran diteruskan lagi di Pusat Tingkatan Enam di sini pada 31 Oktober lepas.

Di majlis tersebut Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman telah menyampaikan ceramahnya yang bertajuk 'Latar Belakang Kerajaan Kita' dan diikuti kemudiannya dengan soal jawab dan perbincangan antara penuntut-penuntut di pusat itu dengan Pengarah Penerangan.

Majlis pada hari itu telah dihadiri kira-kira 600 orang penuntut-penuntut dan pensyarah-pensyarah di pusat itu.

Dengan tujuan membina kefahaman yang lebih luas mengenai tatanegara, memahami tugas dan matlamat Kerajaan kepada semua penuntut-penuntut seluruh negara, ceramah ini diadakan lagi di Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong pada Rabu 2 November 1983.

Di sana, kira-kira 400 orang penuntut telah menghadiri dengan diberi peluang mengemukakan berbagai persoalan di samping berbincang dengan Pengarah Penerangan.

Rancangan sivik yang mendapat sambutan yang menggalakkan dari penuntut-penuntut setakat ini akan diteruskan lagi pada 10 November 1983 di Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin di Kuala Belait.

Untung nasib bergantung kepada kebijaksanaan

GADONG. — Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin menegaskan untung nasib kita dan negara pada masa ini dan juga pada masa yang akan datang adalah bergantung kepada kebijaksanaan kita menentukan jalan-jalan yang akan dilalui dalam berkerajaan dan bernegara.

Untuk itu, katanya apa pun perkembangan yang sedang dan akan kita tempuh berikutan pencapaian kemerdekaan hendaknya kepentingan kita sebenar

tidak akan terjejas iaitu untuk memelihara dan memastikan Brunei akan terus menerus kukuh di mana rakyat serta penduduknya meyakini dengan bangga segenap ciri-ciri keBruneian.

Pengarah Penerangan menyerukan demikian di Majlis Perjumpaan bagi penduduk Mukim Gadong yang berlangsung di Dewan Pusat Tingkatan Enam pada pagi Jumaat lepas.

Mengenai seruan tersebut beliau menegaskan tidak ada

sebab bagi beliau dan juga Kerajaan untuk memutarbelitkan kenyataan dan mendorong rakyat dan orang ramai kepada suatu matlamat yang salah.

"Datuk nenek kita telah mewariskan semangat patriotik bagi mempertahankan Brunei. Semangat tersebut ialah semangat mempertahankan yang benar dan yang hak yang kerannya kita pada masa ini diperkenankan oleh Allah terus menerus memiliki Negara Brunei sebagai sebuah

Kesultanan Melayu Islam," tegas Awang Haji Badaruddin lagi.

Majlis yang dihadiri oleh kira-kira 100 orang penduduk mukim tersebut itu telah dipengerusikan oleh Awang Haji Hussien bin Haji Zaman yang juga telah menyampaikan ucapan alu-aluan.

Di antara yang hadir ialah Penghulu Mukim Gadong, Awang Haji Sukor bin Haji Pakar; ketua-ketua kampung; dan pegawai-pegawai kanan Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan.

Perusahaan minyak di negara ini:

Kerajaan kongsi dengan Pertubuhan Shell Antarabangsa

GADONG. — Orang ramai patut memahami bahawa perusahaan minyak di negara ini dikongsi bersama oleh Kerajaan dengan Pertubuhan Shell Antarabangsa. Perkongsian tersebut membolehkan negara mendapat banyak faedah dari hasil pengeluaran minyak.

Ini telah dinyatakan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman semasa sesi perbincangan dalam ceramah sivik di Pusat Tingkatan Enam Gadong baru-baru ini.

Menurutnya, syarikat yang

berkongsi bersama itu mestilah mendapat sokongan semua pihak bagi membolehkannya beroperasi secara cekap dan dalam suasana politik serta sosial yang mantap.

"Kerana itu, adalah tidak menguntungkan negara sekiranya perkara-perkara yang boleh menjejaskan perkongsian itu dibangkitkan oleh orang ramai," katanya.

Awang Haji Badaruddin menolak sangkaan bahawa kerajaan bercadang memiliki negarakan perusahaan minyak negara ini selepas merdeka nanti.

Sangkaan sedemikian itu, katanya tidak sepatutnya dipertebal dengan anggapan kononnya ia sesuai sebagai langkah memerdekakan ekonomi negara.

"Adalah keliru bahawa kemajuan ekonomi dan faedah-faedah yang akan didapat oleh negara dan rakyat semata-mata melalui dasar memiliki negarakan perusahaan-perusahaan.

Bahkan aliran ekonomi di kebanyakan negara pada masa ini terus menuju dan berkembang dalam bentuk kerjasama kerajaan kepada syarikat-syarikat persendirian

dan swasta," tegas Pengarah Penerangan.

KEBEBASAN AKHBAR

Menjawab satu soalan lain mengenai kebebasan akhbar, Pengarah Penerangan itu menegaskan bahawa akhbar-akhbar yang terbit di negara ini tidaklah terlebih dahulu dikenakan tapisan. Akhbar Kerajaan 'Pelita Brunei' dan akhbar bebas 'Borneo Bulletin' masing-masing membuat tapisan sendiri tanpa campurtangan pihak-pihak berkuasa keselamatan dan seumpamanya.

Tapisan secara sendiri itu adalah cara yang lazim diamalkan oleh akhbar-akhbar di luar negeri. Ia merupakan usaha pihak-pihak media massa memainkan peranannya sebagai media yang bertanggungjawab kepada negara dan rakyat.

Kita di Brunei, kata Awang Haji Badaruddin mengambil berat kepada kandungan akhbar dan majalah baik yang didatangkan dari luar negeri atau yang diterbitkan di dalam negara.

Perhatian kita bukan saja dalam perkara-perkara yang boleh menjejaskan keselamatan dan



PENUNTUT Pusat Tingkatan Enam sedang mengemukakan pertanyaan.

ketenteraman awam bahkan juga yang boleh merosakkan moral rakyat serta mencemarkan kemurnian cara hidup kita di negara yang mempunyai pegangan dan adat resam.

Kerana itu, tegas beliau, persoalan kebebasan akhbar dan alin-lain media mestilah dilihat dari sudut yang kononnya kerap menyekat kebebasan tersebut untuk tujuan politik.



AMDB sertai terjun payung di Indonesia

SATU pasukan seramai lapan orang ahli Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei kini berada di Indonesia untuk menyertai Kejohanan Terjun Payung Negara-Negara ASEAN kali yang keenam dan Kejohanan Terjun Payung Terbuka Indonesia.

Rombongan tersebut diketuai oleh Mejar Ibrahim bin Haji Mohamad. Kejohanan tersebut akan berakhir pada hari Sabtu 12 November.

Gambar atas kelihatan rombongan tersebut bergambar ramai sejurus sebelum bertolak ke Indonesia pada 4 November yang lalu.

Dalam mengasah bakat pelukis-pelukis muda: PAMERAN ERATKAN HUBUNGAN ANTARA MURID, GURU DAN PENJAGA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pameran Seni-lukis dan Perhubungan Tangan diayakini dapat mengeratkan perhubungan di antara murid, guru, dan penjaga masing-masing dalam mengasah bakat-bakat seni di kalangan pelukis-pelukis muda.

Awang Haji Zaini bin Abdul Hamid, Pegawai Pelajaran Kanan, Bahagian Kesenian berucap demikian ketika merasmikan Pameran Seni-lukis dan Perhubungan Tangan Sekolah-Sekolah Rendah Melayu dan Persediaan Inggeris Brunei III di Sekolah

Persediaan Inggeris Dato Gandhi pada hari Ahad yang lalu.

Beliau berkata pelukis-pelukis merupakan sumber yang paling bernilai bagi mendapatkan hasil kreatif, mereka sentiasa disanjung serta diberi galakan di semua peringkat.

Pelukis bertanggungjawab kepada negara dan hendaklah sentiasa memelihara maruah tersebut melalui lukisan yang mereka hasilkan serta berusaha menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling serta mempunyai fikiran terbuka dan sedia menerima teguran dari semua pihak untuk faedah negara dan bangsa, tambah beliau.

Dalam hal ini ujar Awang Haji Zaini, Jabatan Pelajaran Bahagian Kesenian sentiasa giat mengkaji dan meneliti pencapaian mutu lukisan murid-murid terutama yang bercorak keBruneian untuk diketengahkan kepada masyarakat.

Beliau menjelaskan, perkembangan seni dan budaya di sekolah-sekolah rendah dan menengah kini semakin berkembang di mana penuntut-penuntut telah melibatkan diri. Di samping itu pelajaran pancaragam sekolah-sekolah juga

semakin berkembang, sementara sekolah-sekolah rendah pula dewasa ini mempunyai pasukan hadrah, gu-lingtangan, dan sedikit masa lagi akan menubuhkan pasukan seruling.

Terdahulu dari itu Pengerusi Pameran Pg Ahmad bin Pg Kerma Indera Pg. Anak Tajuddin telah menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Sebanyak 19 buah Sekolah Rendah Melayu dan lima buah Sekolah Persediaan Inggeris telah menyertai pameran tersebut. Bahagian Sekolah Rendah Melayu telah dimenangi oleh Sekolah Melayu Dato Gandhi; tempat kedua Sekolah Melayu Kasat; ketiga Sekolah Melayu Batu Marang; dan keempat Sekolah Melayu NAR Menunggul.

Bahagian Sekolah Persediaan Inggeris pula telah dimenangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Dato Gandhi; kedua Sekolah Persediaan Inggeris Pengkalan Batu; ketiga Sekolah Persediaan Inggeris Mulaut; keempat Sekolah Persediaan Inggeris Lumapas.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Awang Haji Zaini bin Abdul Hamid selaku tetamu kehormat di majlis itu. — A.I.

KENYATAAN

SEBAGAIMANA yang telah diumumkan, melalui surat ke-lingkaran Antarabangsa No 161, Pentadbiran Pos GUATEMALA telah mengingatkan orang ramai bahawa Pentad- birannya tidak membenarkan penghantaran, termasuk ke dalam surat-surat berdaftar, duit syiling, wang-wang bank, wang-wang kertas atau surat-surat jaminan dibayar kepada pembawa. Cek-cek pengembara, platinum, emas atau perak, pembuatan atau tidak, ba- to-batu permata, intan-intan permata dan lain barang-barang berharga. Oleh sebab itu, pentadbiran Pos GUATEMALA tidak bertanggungjawab akan benda-benda seperti itu.

Soal Jawab Sistem Ejaan Baru Siri (4)

Ditulis oleh:
Kamish Haji Rahmat, Pegawai Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Soalan 4: Perkataan yang mempunyai ejaan yang sama tetapi berlainan bunyi, umpamanya 'perang' 'semak', dan 'telor' (e di sini mungkin e pepet atau e taling), sukar dibezakan dalam penulisan dan boleh menimbulkan kekeliruan membaca dan mentafsir maknanya. Jadi, untuk mengatasi masalah ini baik rasanya pola e taling bertemu a seperti 'perang' menjadi i supaya ada dua perka- taan yang setentunya berbeza makna, 'perang' dieja p - e pepet - r - a - n - g dan 'pirang' (daripada kata asalnya p - e taling - r - a - n - g)

Jawapan: Setakat ini nampaknya belum ada ura-ura untuk menukar e taling menjadi i kerana terlalu banyak perkataan yang mempunyai pola tersebut; bukan sahaja setakat yang berpasangan. Malahan, kalau kita menukar ejaan bagi perkataan yang sama tetapi bunyi berlainan bererti kita mengubah satu bentuk kata dan satu bentuk bunyi yang sememangnya sedia ada, yang indah, cantik dan kaya dalam bahasa kita. Dalam bahasa lain pun ada bentuk begitu, lihat sahaja bahasa Inggeris - sama ejaan lain makna dan sebutannya. Maka, eloklah dikekalkan bentuk itu, ciri yang semula jadi ini (satu ejaan dan berlainan sebutan) sama berlaku dalam bahasa lain. Kalau ada perubahan pun, hanya segelintir sahaja. Ini pun kerana terpaksa. Usaha hendak mengubah memang ada seperti perkataan 'bena' dengan 'bina'. 'Bena' untuk rangkai kata seperti bena tidak bena yang bererti hirau tidak hirau, dibezakan dengan 'bina' bermakna buat atau bangunkan sesuatu ataupun sesebuah bangunan.

Lawatan kerjaya penuntut ke AMDB

MUARA. — Satu rombongan seramai 30 orang penuntut dari Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan Bangar telah mengadakan lawatan kerjaya sambil belajar ke Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei pada hari Selasa yang lalu.

Pelawat-pelawat tersebut telah diketuai oleh tiga orang guru dan lawatan mereka bermula di Pengkalan Angkatan Laut Pertama Muara. Semasa di sana mereka telah diberikan penerangan-penerangan mengenai tugas-tugas yang dijalankan oleh Pasukan Angkatan Laut.

Kemudian mereka beredar ke Perkhemahan Bolkliah dan seterusnya mendengar taklimat dari Pegawai War-rant Dua Abdul Razak, mengenai latihan-latihan, pengambilan rekrut, serta tugas-tugas latihan tentera.

Lawatan tersebut berakhir di Muzium Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei. Di sana mereka telah menyaksikan peralatan senjata-senjata yang dipamerkan termasuk jenis-jenis senjata moden dan lain-lain peralatan tentera. — A.H.

13 Guru-Guru Pelatih MPSHB lawat Jabatan Ukur



PELATW-PELATW sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh Awang Mohammad Taib.

BERAKAS. — Serombongan seramai 13 orang guru-guru pelatih dari kelab Ilmu Alam Maktab Pengurusan Sultan Hassan Bolkliah, telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Ukur yang terletak di Lapangan Terbang Lama Berakas pada hari Rabu lalu.

Rombongan yang diketuai oleh tiga orang pensyarah maktab tersebut, telah dibawa ke bilik syarahan untuk mendengar taklimat-taklimat oleh Awang Mohammad Taib bin Haji Moham-mad Said dan Awang Masri bin Haji Idris mengenai dengan tugas-tugas Jabatan Ukur, dasar serta fungsi pengukuran tanah dan lain-lain.

Kemudian para pelawat dibawa melawat ke bahagian penghitungan untuk memerhatikan sistem komputer baru dan melihat bagaimana kerja-kerja penganalisa tanah dibuat.

Setelah itu rombongan pelawat beralih ke bahagian perlukan untuk memerhati cara-cara melukis geran, pelan tanah, dan akhirnya mereka dibawa ke Unit Kar-tography bahagian Pemetaan mengenai dengan pengendalian membuat peta dan menentukan had-had kawasan.

JAWATANKUASA SEKOLAH MELAYU RIF DIBENTUK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perjumpaan bagi pembentukan jawatankuasa Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah bagi tahun 1983 - 1984, telah diadakan baru-baru ini bertempat di dewan sekolah tersebut.

Pembentukan Jawatan-kuasa Sekolah tersebut bertu-juan antara lain ialah untuk mengeratkan perhubungan pihak sekolah dengan ibu bapa dalam menjayakan aktiviti-aktiviti, di samping sama-sama mengadakan rundingan-rundingan dalam hal meningkatkan mutu pen- capaian pelajaran, disiplin atau kebajikan sekolah.

Dalam pada itu penubuhan jawatankuasa sekolah itu juga adalah bertujuan untuk memberikan peluang kepada para guru dan penjaga murid-murid sekolah untuk berbincang pada menyelesaikan sebarang masalah yang timbul serta membentuk tabung kewangan bagi keperluan di masa depan.

Dalam perjumpaan tersebut, Awang Haji Adam bin Md Tarif Pegawai Pelajaran telah dilantik sebagai

Penasihat. Awang Md Yassin bin Haji Kassim, Guru Besar SM. RIF., dilantik sebagai Pengerusi. Timbalan Pengerusi ialah Pg Haji Md Yassin bin Pg Metassan Guru Besar SM. PDG. HMS/S Lama. Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Md Safar, Pegawai Penerangan SUK sebagai Setiausaha. Timbalan Setiausaha Awang Hamidon bin Haji Metussin, Guru Penolong SM, RIF. Bendahari Awang Sharbini bin Md Yassin, Guru Penolong SM. RIF. Pemeriksa kira-kira ialah Awang Haji Moksini bin Pukul dan Pg Md Yunus bin Pg Haji Besar.

Keriam juara bola sepak Tutong

SEMPENA Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tahun ini satu perlawanan bola sepak bagi Daerah Tutong telah dianjurkan oleh Gabungan Pemuda-Pemudi Sukela Tutong.

Perlawanan yang disertai

oleh sebanyak lapan pasukan bola sepak daerah tersebut telah berakhir minggu lalu.

Dalam perlawanan tersebut Pasukan Keriam telah bertemu dengan Pasukan Penanjong yang mana telah dimenangi oleh Pasukan Keriam dengan jaringan 3 berbalas 1.



PENUNTUT-PENUNTUT sedang dibawa menyaksikan peralatan senjata-senjata di Muzium Pasukan AMDB di Perkhemahan Bolkliah.

Pasukan Kebangsaan lawan Australia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Bola sepak Kebangsaan Negara Brunei akan mengadakan perlawanan bola sepak secara persahabatan dengan salah sebuah pasukan dari Australia pada hari Jumaat 11 November, 83 jam 7.30 malam.

Perlawanan tersebut akan berlangsung di Stadium

Negara Hassan Bolkliah dan tiket-tiket berharga \$15.00, \$10.00 disediakan bagi kawasan berbumbung. Manakala tiket-tiket yang berharga \$4.00, \$2.00 adalah bagi penuntut-penuntut sekolah. Semua penjualan tiket-tiket tersebut akan bermula jam 9.00 pagi dan boleh didapati di pintu masuk stadium tersebut sebelum perlawanan bermula.

Sementara itu, jawatan-kuasa perlawanan telah mengingatkan kepada penuntut-penuntut sekolah yang hendak menyaksikan perlawanan tersebut hendaklah dimestikan memakai pakaian seragam sekolah masing-masing beserta len- cana sekolah untuk mem- pastikan yang mereka adalah penuntut-penuntut.



KEBERANGKATAN Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke Padang Tembak Binturan itu telah dialu-alukan oleh Pemerintah Pasukan AMDB Brigedier Jeneral J.W.P. Friedberger (gambar atas).

Keberangkatan Kebawah D.Y.M.M. ke peraduan menembak tahunan AMDB di Binturan

Liputan oleh: Ahat Ismail

Gambar-gambar oleh: Ak Abu Bakar PHO



SELAIN daripada peraduan antara platoon itu, peraduan menembak persahabatan antara pasukan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir dan pasukan Pegawai Pemerintah AMDB Tahunan menangi oleh pasukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Gambar atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan hadiah kepada pemenang peraduan menembak.

Gambar-gambar kiri kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan hadiah kepada pemenang peraduan menembak. Gambar kanan kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan hadiah kepada pemenang peraduan menembak.



Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei
menyaksikan latihan menembak dengan senjata jenis M16. Gambar atas kelihatan Kebawah D. Y. M. M.
yang bersedia untuk latihan menembak. D. Y. M. M. mendengar penerangan mengenai kedudukan
dan kedudukan peserta perlawanan enam hari yang dipaparkan di papan
penerangan. D. Y. M. M. memperkenalkan peserta-peserta perlawanan kepada



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul
Wahid Wazir Pengiran Muda Mohamed Bolkiah juga berangkat ke
Peraturan Menembak itu (gambar bawah). Gambar kanan kelihatan Yang
Teramat Mulia menguji kebolehan menembak dengan menggunakan rifle
jenis M16 sementara gambar atas Yang Teramat Mulia menyaksikan
latihan tembakan Yang Teramat Mulia itu ke atas 'target' yang dituju.



RTB

Intisari minggu ini

RADIO MINGGU INI:

CURAHKANLAH PERASAAN AWDA

TANPA pencurahan perasaan, kita merasa jemu, tak berguna dan 'frust' (kecewa). Dengan pencurahan demikian kita jadi puas, gembira dan bererti.

Inilah suntingan yang pernah diucapkan oleh seseorang.

JURUHEBAH, seperti halnya dengan pelakon, pelukis atau penulis adalah orang yang mempunyai keuntungan kerana dapat peluang untuk mencurahkan perasaan. Saluran yang dapat mencurahkan perasaan kita selain dari pengucapan juga dari tulisan dan tindakan.

Melalui pengucapan kita merasakan dan mendedikati pelbagai perasaan orang; gembira, suka-duka, marah, penuh harapan

dan kepercayaan.

Apakah unsur/tema yang paling sesuai yang seharusnya dimasukkan dalam ucapan, tulisan, tindakan dalam pembangunan yang sedang kitani ungkayahkan sekarang ini? Tiada lain kami kirakan selain dari motif/tema yang positif dan optimis. Dengan motif ini, radio sebaik-baik saluran yang memberi penerangan dan harapan kembali untuk semua orang yang terlepas dari prasangka jahat dan buruk. Dalam proses pendekatan ini kami mengharap agar orang bertindak ke arah satu matlamat di zaman, di mana negara kita Brunei Darussalam akan mencapai kemerdekaan menjelang tahun 1984 ini.

Sengaja motif ini kami kemukakan, agar pembaca/pendengar yang selalu berdampingan erat dengan kami sama-sama memahami tujuan kami. Bukan tidak ada tempat untuk Awda sama-sama dengan kami, di samping juruhebah di sini, mencurahkan perasaan dalam bentuk tulisan dan pengucapan. Sumbangan untuk ruangan cerpen, sandiwara radio, dan sebagainya, adalah saluran praktis. Menyedari hakikat ini, di sinilah tugas maha penting untuk para penulis tempatan untuk sama-sama memikul tanggungjawab bersama dalam penampung pembangunan negara dan bangsa yang tercinta.

Satu lagi ruangan di mana para pendengar boleh

leh mencurahkan pengucapan ialah 'Dari lambaran Awda', di mana ruangan ini mengutarakan kata-kata nasihat dan hikmat untuk panduan rakan dan taulan, untuk diteladani. Misalnya 'Genggam bara api, biar sampai jadi arang.' Perkataan dan pengucapan ini menunjukkan; seseorang yang ber-cita-cita tinggi itu, biarlah sampai ke matlamatnya, jangan sampai hangat-hangat tahi ayam. Dalam hal ini, bukan semua orang boleh dan bersedia untuk berbicara dan memberikan panduan secara keilmuan dan penuh makna.

Zaman pembangunan ini, melatih dan mendesak kita untuk mencurahkan perasaan dalam tulisan, pengucapan dan tindakan yang bertanggungjawab dan berfaedah. Usaha mencari kebahagiaan dalam perkumpulan sesak, dalam suasana gegak-gempita dan dalam perhimpunan tanpa tujuan. Mengingat pengucapan luhur dari seorang kawan yang pernah disampaikan kepada kami: 'Betapa saya rasa bahagia, setelah ucapan-ucapan saya dengan khusus didengar orang'. Tidak hairan kita, kawan ini seorang guru, seorang yang bertugas untuk memberi kita ertikan ... bukan peranannya sebagai pensyarah, tapi kerana ia menyampaikan ilmu dan syarahannya didengar orang.

TEKA TEPAT - BORANG AUDITION

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

P

A

Tarikh

NAMA

ALAMAT

DAERAH

NO. TELEFON RUMAH

UMUR

TARIKH LAHIR

NO. TELEFON PEJABAT IBU BAPA/PENJAGA

NAMA SEKOLAH

SUBJEK YANG DIMINATI

KEGEMARAN

SUKAN

BUKU KEGEMARAN

UNTUK DITANDATANGANI OLEH IBU BAPA/PENJAGA:

1. Saya bersetuju dan membenarkan anak saya yang tersebut di atas untuk diuji di Studio '1' bagi rancangan TV "TEKA TEPAT".
2. Saya mengerti dan bersetuju bahawa anak saya yang tersebut di atas tidak semestinya terpilih untuk ikut serta dalam rancangan ini.
3. Saya mengerti dan bersetuju bahawa keputusan penerbit adalah muktamad.
4. Jika anak saya yang tersebut di atas terpilih menjadi peserta dalam rancangan ini, saya mengerti dan bersetuju bahawa sama ada ibu bapa/penjaga akan hadir semasa rakaman dijalankan.
5. Pada pengetahuan saya keterangan di atas berkenaan dengan nama anak saya, umur dan alamat adalah benar dan betul.

Tandatangan Ibu Bapa/Penjaga

Tarikh

Bintang Kecil '84' Daerah Tutong

PERTANDINGAN Akhir Bintang Kecil 84 bagi Daerah Tutong akan diadakan pada hari Ahad, 13 November, 1983, bertempat di Dewan Kemasyarakatan Tutong, bermula jam 8.00 malam.

Pertandingan ini bagi memilih enam orang wakil daerah tersebut ke pertandingan separuh akhir akhir Negeri yang akan diadakan di Bandar Seri Begawan dalam bulan Disember akan datang.

Pertandingan awal bagi pertandingan tersebut akan diadakan di sebelah pagi, jam sembilan, di tempat dan hari yang sama.

Mari Memasak:

Nasi Brayani Kurma

Bahan-bahannya:—

- 3 tin susu manis beras Brayani
- 1 kati daging
- 1 cawan minyak sapi
- 1 cawan minyak jagung
- 6 ozs badam (dikisar halus)

Rempah-rempah giling:—

- 1 sudu teh lada hitam
- 2 sudu teh lada sulah
- 1 inci kayu manis
- 1 kuntum bunga lawang
- 4 biji pelaga
- 4 kuntum cengkeh
- 8 ulas bawang merah
- 1 biji bawang besar
- 3 ulas bawang putih
- 2 inci halia
- 3 sudu makan rempah kurma.


Cara-caranya:—

1. Rempah-rempah daging dikisar halus dan dicampurkan dengan kurma.

2. Panaskan minyak jagung dan masukkan kira-kira 1 sudu makan minyak sapi, tumis rempah-rempah giling hingga kering masukkan daging dan bahan-bahan perasa. Kemudian masukkan suku bahagian badam kisar, tuangkan sedikit air dan masak sehingga pekat.

Untuk Nasinya:—

1. Panaskan minyak sapi tumiskan bawang merah dan halia. Tumis sehingga kering masukkan air (banyaknya disukat sama banyak dengan beras). Kemudian masukkan baki badam kisar dan garam, apabila air sudah mendidih masukkan beras..



DI ATAS ialah Pirece Brosnan berlakon sebagai REMINGTON STEELE dalam rancangan yang sama namanya. Remington merupakan seorang lelaki yang "dashing" dan "lucky" di Remington Steele Investigations. Siri drama ini memaparkan satu agensi detektif yang tidak begitu biasa perjalanannya. Rancangan ini bermula kira-kira jam 10 malam ini.

Sandiwara Radio:

SINARAN YANG

HILANG — Lat

MENDAPAT tempat untuk mengisikan ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini ialah SINARAN YANG HILANG, tulisan LAT, Brunei.

Tiga orang watak yang diperkenalkan oleh penulis ialah Bidah ibu kepada Jainah, Jainah dan Jamal yang bertunangan sejak tiga tahun yang lalu. Kerana cita-cita Jainah untuk tamat dalam kuliahnya, mereka pun menamatkan soal perkahwinan menjadi perkara kedua. Walaupun begitu mereka sama-sama berjanji untuk terus setia di antara satu sama lain.

Ibu Jainah pula sangat merestui perhubungan mereka berdua, lebih-lebih lagi Jamal adalah diharapkan untuk bakal menjadi ketua di rumah mereka untuk menggantikan arwah ayah Jainah.

Jainah pula yang menyedari ibunya dan tunangannya Jamal sangat menaruh harapan untuk melihat kejayaannya, tidak putus-putus dengan usahanya untuk mencapai apa yang dikehendakinya selama ini.

Masa kian berlalu, mungkin dalam masa yang panjang itu mereka akan tetap setia memegang janji? Pada Jainah ia amat kecewa bila di satu hari ia diberitahu oleh ibunya tentang sesuatu yang tidak diduganya akan terjadi. Ibunya hanya mampu memujuknya dengan mengatakan itu sudah takdir ilahi terhadapnya.

Apakah masalah yang dihadapi oleh Jainah itu? Ba-

gaimana pula dengan penantannya? Mungkin kita akan terkejut mengetahui jawapannya, para pendengar dan silakan untuk mengisikan ruangan sandiwara ini pada 13 November, 1983 jam 10.30 petang.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk. Rasimah Pg. Kakar.



Dari Pendengar Untuk Pendengar

RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar ini dengan peserta Awg. M. tussin bin Menandini di alamat No. 76 Kampung Sungai Mas Brunei. Awg. Menandini berkesempatan memilih beberapa buah lagu kesukaan yang antara lain 'Nona' yang akhir dari kumpulan Alifates, Ku Cari Cinta dengan bahan dari Syed Soleh dan lain-lain.

Rancangan ini akan disiarkan pada hari Isnin 14 November jam 1.30 petang.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 9 NOVEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 GIGGLESNORT HOTEL
- 5.30 SPIDERWOMAN
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 DIFFERENT STROKES
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 DIFFERENT STROKES
- 6.30 321 CONTACT

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 REMINGTON STEELE : "License To Steele"
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.27 REMINGTON STEELE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 THREE'S COMPANY
- 9.35 MAGNUM : "Heal Thyself"
- Magnum menawarkan khidmatnya untuk membantu seorang bekas jururawat askar, sekarang seorang doktor, yang telah dituntut membunuh tiga pesakit dalam jagaannya.
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR : "Belles On Their Toes"
- 10.55 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 10 NOVEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 5.00 BERITA AWAL
- 5.05 KIMBA THE WHITE LION : "Gypsy Purple Potion"
- 5.07 AZAN MAGHRIB
- 5.17 KIMBA THE WHITE LION — sambungan
- 5.30 WORLD OUTDOORS : "Big Northern Hike"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 VOYAGERS : "Bully and Billy"
- 7.22 AZAN ISYAK

- 7.27 VOYAGERS — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 HIDAYAT
- 9.05 DUNIA MINGGU INI
- 9.35 TIMELESS LAND (Siri baru) : "A Ship With White Wings"
- Di satu kawasan yang baru diteroka dalam keadaan yang serba kekurangan, mereka terus berusaha untuk meneruskan penghidupan di TIMELESS LAND.
- 10.35 CHICO AND THE MAN
- 11.05 McLAIN'S LAW : "Time of Peril"
- McLain dan Harry Gates mendapati kes mereka kali ini terlalu berat kerana tertuduh, dipercayai seorang perogol, dibantu oleh seorang peguam yang mahal bayarannya. Di samping itu tertuduh juga mendapat sokongan seorang pemberita wanita TV yang selalu menambah minyak kepada api kes itu.
- 11.55 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 11 NOVEMBER

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARUJ JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN
- PETANG
- 1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORTS
- 2.15 SPY FORCE
- 3.00 THE INVINCIBLE IRON MAN
- 3.29 AZAN ASAR
- 3.32 JOANNIE LOVES CHACHI —
- 4.00 THE PUPPY'S NEW ADVENTURES (Episod terakhir)
- 4.25 WORLD COMMUNICATION YEAR : "Palapa"
- 4.55 THE ELECTRIC COMPANY
- 5.10 MANAGEMENT (Ulangan)
- 5.35 LAVERNE AND SHIRLEY WITH THE FONZ
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 YOU ASKED FOR IT
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 YOU ASKED FOR IT — sambungan
- 6.30 ON SAFARI

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE YOUNG LAWYERS : "The Russell Incident"
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.27 THE YOUNG LAWYERS — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL

- 9.05 DRAMA : Sayang Kuala Sayang : "Waris"
- 9.35 KNOTS LANDING
- "171311 Abigail's Choice"
- 10.35 THE BEST OF MIDNIGHT SPECIAL
- 11.15 SUGAR RAY LEONARD'S GOLDEN GLOVES.
- 12.10 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 12 NOVEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THUNDARR THE BARBARIAN : "Valley Of Man-Apes"
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 7.17 THUNDARR THE BARBARIAN — sambungan
- 6.30 JUST KIDDING

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 JOHN DENVER SHOW
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.27 JOHN DENVER SHOW — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 MARI MEMASAK : "Nasi Brayani Kuma"
- Respihnya ada disarkan di muka 10.
- 9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONE-SIA : "Apa Ini, Apa Itu?"
- 11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "Blood Alley"
- Satu drama suspens mengenai dua orang Amerika dengan percubaan mereka untuk melarikan diri melalui Blood Alley, satu-satunya kawasan yang paling bahaya di dunia.
- Pelakon-pelakon : John Wayne, Lauren Bacall, Paul Fix, Joy Kim dll.
- 12.35 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 13 NOVEMBER

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 FANGFACE : "Don't Abra When You Cadabra"
- 2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE
- 3.15 BIG LEAGUE SOCCER
- 3.29 AZAN ASAR
- 3.32 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
- 4.00 SMURF
- 4.30 COMPUTER PROGRAMME : "Let's Pretend"
- 5.00 SEVEN BRIDES FOR SEVEN
- BROTHERS : "Catch a Falling Star"
- Daniel berkawan baik dengan Stormy Weather seorang peminum dan bekas penyanyi country music. Persahabatan mereka menimbulkan kerumitan dalam keluarga Daniel.
- 5.45 SPIDERMAN
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 SPIDERMAN — sambungan
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 SPIDERMAN — sambungan
- 6.30 ALICE : "Big Daddy Dawson's Coming"
- Apabila Alice cuba menolong Flo untuk menancing lelaki idamannya, akhirnya menimbulkan kelucuan yang beraneka rupa.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SIMON AND SIMON : "Psyched Out"
- A. J. dan Rick diupah untuk menyia-

- sat sama ada kematian seorang penuntut itu terjatuh atau ditolak dari bum-bang atap.
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.27 SIMON AND SIMON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 SIARAN LANGSUNG DARI DEWAN RAYA
- 9.35 FORUM
- 10.05 TEACHERS ONLY
- 10.35 CASABLANCA : "Who Am I Killing?"
- 11.35 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 14 NOVEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 POSTMAN PAT
- 5.15 PANDAMONIUM : "The Beginning"
- 5.40 CHALLENGE OF THE SUPER-FRIENDS : "Wanted: The Superfriends"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 CHALLENGE OF THE SUPER-FRIENDS — sambungan
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 CHALLENGE OF THE SUPER-FRIENDS — sambungan
- 6.30 NEPTUNE JOURNALS : "Fate of the Andrea Doria" Bgh. 1.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TRAPPER JOHN M.D. : "You Pay Your Money"
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.27 TRAPPER JOHN M.D. — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 ALL STAR WRESTLING
- 10.05 THE WINDS OF WAR
- 11.05 BARE ESSENCE (Siri baru) : Seorang wanita muda California, Tyger Hayes menceburkan diri ke dalam perniagaan minyak wangi. Lapangan ini melibatkannya dengan orang-orang berpengaruh dan seterusnya dunia pengintipan dan juga percintaan yang beraneka corak.
- 12.05 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 15 NOVEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 PACMAN
- 5.30 THE GARY COLEMAN SHOW
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 BID FOR POWER : "A Handful of Sand"
- 6.07 AZAN MAGHRIB
- 6.17 BID FOR POWER — sambungan
- 6.25 AROUND THE WORLD WITH BENNY AND LENNY
- 6.35 CAMP WILDERNESS : "Balloon Adventure"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE FALL GUY : "Win One For Gipper?"
- 7.22 AZAN ISYAK
- 7.27 THE FALL GUY — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 ARENA SUKAN
- 9.35 DYNASTY
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR : "B.A.D. CATS"
- 11.45 SIARAN TAMAT.

Rancangan TVP dari 14 - 19 Nov. 1983

ISNIN — 14 NOVEMBER

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 998.
- Rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, BELON SI MAINS, SI MANIS, AMINAH, HALAMAN BELAJAR dan GERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 998.

SELASA — 15 NOVEMBER

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 999.
- Dalam rancangan hari ini dimuat dengan aktiviti-aktiviti seperti BERSENAM, TUNJUK BENDA, MINUM, PAK LONG, KATA SI MANIS, YANG MANA GANJIL dan GERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 999.

RABU — 16 NOVEMBER

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 1000
- Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat

aktiviti-aktiviti seperti MAIN BAKUL, LUKISAN DARI RUMAH, MINUM, NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATIL MENYANYI dan GERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 1000.

KHAMIS — 17 NOVEMBER

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 1001.
- Rancangan hari ini dimuat dengan aktiviti-aktiviti seperti BOLA TUMBUK, TUNJUK BENDA, MINUM, AMIN, BELON SI MANIS, MENYANYI dan GERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 1001.

SABTU — 19 NOVEMBER

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 1002.
- Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERSENAM, TUNJUK BENDA, MINUM, PAK LONG, HALAMAN BINATANG dan GERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 1002.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Per-

khidmat Kerajaan, Brunei.
1. **PENYEMAK:** (di Dewan Bahasa dan Pustaka).
Tanggungjaji: D. 3 EB. 4-5—\$720-\$1290 sebulan.
Kelayakan dan Pengalaman:
a) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya tiga mata pelajaran di Peringkat Biasa (tidak termasuk

mata pelajaran Senilukis).
b) Boleh menguasai dua bahasa (salah satu daripadanya Bahasa Melayu) serta dapat menulis dan membaca jawi dengan baik.
c) Mempunyai kecenderungan dalam penerbitan buku dan majalah.
Satu ujian bertulis akan diberikan kepada semua calon untuk memastikan kelayakan.
2. **PELUKIS:** (di Jabatan Muzium).

Tanggungjaji: D. 3-4 EB. 5—\$720-\$1290 sebulan.
Kelayakan dan Pengalaman:
a) Lulus sekurang-kurangnya G.C.E. 'O' Level dengan mendapat dua mata pelajaran termasuk Lukisan.
b) Pernah memenangi di dalam peraduan-peraduan lukis.
c) Mempunyai kecenderungan dalam Senilukis atau Kraf-tangan.

3. **WARDEN:** (di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan).
Tanggungjaji: D. 3 EB. 4—\$720-\$1175 sebulan.
Kelayakan dan Pengalaman:
a) Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya empat mata pelajaran Peringkat 'O' Brunei Cambridge atau yang sebanding dengannya.
b) Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan yang tersebut di atas juga akan dipertimbangkan jika mempunyai pengalaman-pengalaman di bidang pengawalan dan pengawa-

san asrama-asrama serta aktiviti-aktivitinya.

d) Jawatan ini hanya terbuka kepada pemohon lelaki sahaja yang berumur di antara 30 hingga 40 tahun.

4. **PEMELIHARA KAWASAN:** (di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan).
Tanggungjaji: F. 1-2 EB. 3—\$350-\$470 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:
a) Berumur 20 hingga 50 tahun.
b) Pemohon-pemohon hendaklah boleh membaca dan menulis.

c) Pemohon-pemohon hendaklah sanggup bekerja di luar masa bekerja bilamana masa dikehendaki.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei. Tarikh tutup: 28 November, 1983.

(E/551/75)
(Bil: 216/1983).

MEDICAL DEPARTMENT TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Brunei, up to 12.00 noon on Monday 21st November, 1983 for "X-RAY SUPPLIES". Tenders received after this time will be rejected.

2. Tender are invited for the supply of the following X-RAY Film and processing materials for the year 1st January, 1984 to 31st December, 1984.

Particulars	Size	Per Packet	Price
1. X-Ray Film	14 x 17"	50 sheets	
2. X-Ray Film	14 x 14"	50 sheets	
3. X-Ray Film	12 x 15"	50 sheets	
4. X-Ray Film	10 x 12"	50 sheets	
5. X-Ray Film	10 x 8"	50 sheets	
6. X-Ray Film	30 x 40cm	50 sheets	
7. X-Ray Film	24 x 30cm	50 sheets	
8. X-Ray Film	18 x 24cm	50 sheets	
9. Cut film for fluoroscopy	10cm x 10cm	50 sheets	
10. Cut film for fluorography	100mm x 100mm	50 sheets	
11. MMR	70mm x 3m	per roll	

NON SCREEN FILM

12. X-Ray Film	10 x 8"	50 sheets	
----------------	---------	-----------	-------

COPYING FILMS

13. Cut Film	100mm x 100mm	50 sheets	
14. Cut Film	17 x 14"	50 sheets	
15. Cut Film	12 x 15"	50 sheets	
16. Cut Film	10 x 12"	50 sheets	

CHEMICALS FOR 90 SECOND PROCESSING (CONCENTRATED)

(State Volume of made up solution from concentrates)	
17. Developer	5 litres bottle
18. Fixer	5 litres bottle
19. Hardener	1 litre bottle
20. Starter	1 litre bottle

CHEMICALS SUITABLE FOR GEVAMATIC 60 PROCESSORS (CONCENTRATE)

21. Developer (equivalent G.153)	per gallon
22. Fixer (equivalent G.353)	per gallon

- All film supplied must have at least one year to expiry date.
- Films should be of ultra-speed type and have a blue safety base.
- The successful tenderer will be required to store stocks of film in an airconditioned room.
- Tenders must be placed in plain sealed envelope on the face of which should be written "X-RAY SUPPLIES — There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
- Tenders deposit will be \$500.00.
- Tenders form will be obtained from Accounts Section, Medical Headquarters, Bandar Seri Begawan, Brunei.
- Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.



MEMPELAWA TAWARAN

TAWARAN-tawaran adalah dipersilakan dari pemborong yang dibenarkan oleh Sharikat untuk

1. **BILANGAN TAWARAN:** 01587/LEN
KATEGORI PH3 atau CB2 Kelas C
Perkhidmatan-perkhidmatan sekumpulan pekerja pemeliharaan mesin.
Untuk keterangan yang lebih lanjut, sila rujuk Papan-papan Kenyataan untuk Tawaran B.S.P.

B.S.P. TENDER NOTICE No. SSU/11/83

Item	Quantity	Description
		Student Centre Lathe 6" with a maximum operation speed of 1200 and maximum R.P.M. open bed type, swing 18 inch, meter, and with a hydraulic copy attachment.
1	1 Unit	Serial No. 274402
2	1 Unit	Serial No. 274403
3	1 Unit	Serial No. 274405
4	1 Unit	Serial No. 274406
5	1 Unit	Serial No. 274407
6	1 Unit	Parkson Milling Machine — Bed 18 inch, Bed Width 10.5 inch. Automatic advance horizontal/vertical.
7	1 Unit	Harrison Milling Machine — Bed 18 inch, Bed Width 8 inch.
8	1 Unit	Shaping Machine with Standard Table. Manufacturer: Elliot, Model 14M.
9	1 Unit	Serial: 5989/371
10	1 Unit	Muffles Furnace (2.5 ltrs), 220/240 V. Manufacturer: Gallenkamp.
11	1 Unit	Model: FSE-520-01, Serial: 88001
12	1 Unit	Pedicut All Steel Threaded Guillotine. Manufacturer: Edwards, Model: 10.
13	1 Unit	Serial: 635Y790424
14	1 Unit	Circle Cutting Machine Hand Operated. Manufacturer: P.S. Ltd., Model: 2.
15	1 Unit	Serial: 32721A
16	1 Unit	Steel Shelves (31).
17	1 Unit	Hydraulic Surface Grinding Machine. Manufacturer: Elliot, Model: 10.
18	1 Unit	Serial: 103097762
19	1 Unit	Floor Cramp Folding Machine. Manufacturer: Kramer, Model: 10.
20	1 Unit	76/81, Weight: 225 Kg.
21	1 Unit	Cone Rolling Machine 10" Hand Operated. Manufacturer: Edwards.
22	1 Unit	Serial: 766H790601
23	1 Unit	Jenny G/Closing Machine. Manufacturer: Jam. Gibb, Model: 10.
24	1 Unit	Bending Rolls, Manufacturer: Jam. Gibb.
25	1 Unit	Clakeson Tool and Cutter Grander. Manufacturer: Clarkson, Serial: MTG.
26	1 Unit	Pipe Cutter 4-24". Manufacturer: S.O.A.L.
27	1 Unit	Serial: MO 76/4552
28	1 Unit	Brazing Hearth 18C. Manufacturer: William, Model: 10.
29	1 Unit	Serial: B010LB
30	1 Unit	Standard Tensile and Testing Machine. Manufacturer: CRC-CROS.
31	1 Unit	Serial: KL 1622
32	1 Unit	BOC Tran. Rectifier, Model: MNR.
33	1 Unit	Serial: RK-538
34	1 Unit	BOC Welding Rectifier, Model: MNR.
35	1 Unit	Serial: RL-873
36	1 Unit	Pipe Cutting Machine, Manufacturer: C.I.G., Model: TAB51
37	1 Unit	Gas Cutting Machine c/w Aluminium. Manufacturer: BOC, Model: FUG.
38	1 Unit	Serial: 79110668
39	1 Unit	TIG Welding Machine, Manufacturer: BOC.
40	1 Unit	Serial: 3H-1288
41	1 Unit	TIG Welding Machine, Manufacturer: BOC.
42	1 Unit	Serial: 3H-1285
43	1 Unit	BOC Welding Rectifier, Model: 10.
44	1 Unit	Serial: 9H1394
45	1 Unit	HEBCO Buffing Machine 3161
46	1 Unit	Test Bench with VAT-28 and Standard Accessories.
47	1 Unit	Manufacturer: SUN, Model: SAS.
48	1 Unit	Serial: 1450-13
49	1 Unit	Electric Oven Martin Furnace.
50	1 Unit	Acetylene Generator 12P. Manufacturer: Acetylene, Model: 10.
51	1 Unit	Serial: 2645.

NOTES: —

- All items can be viewed at SSU/3 Movables Section. Contact: — Supplies Department/Disposal Section, B.S.P. Co. Ltd., Serial, (SSU/15, Tel. No. 536 or 403 NIA).
- The closing date for receipt of tenders shall be 12 hours on 5th December 1983. Tenders should be submitted in plain sealed envelopes to: — Chairman, Tenders Board, Brunei Shell Petroleum Company Limited, Serial, State of Brunei. "Endorsed: B.S.P. Tender Notice No. SSU/11/83".
- Tenders shall be deposited in the Tender Box in the Co. Head Office.
- The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the Tenderer of all the terms of tendering. All other terms of tendering are as usual and obtained on request at the SSU/15 office.

Di Dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. **KERANI PENERANGAN PENERBANGAN:** (di Jabatan Penerbangan Awam, Brunei).

Tanggungjaji: D. 2 EB. 3-4 \$515-\$1175 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:
Mempunyai Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa. Pemohon-pemohon mestilah fasih menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Perlu mempunyai suara microphone yang baik. Calon-calon akan diuji untuk menentukan kesesuaian mereka bagi jawatan tersebut di atas.

2. **TUKANG KAYU TINGKAT I:** (Pejabat Daerah Tutong).

Tanggungjaji: E. 2-3 EB. 4—\$470-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur 20 tahun ke atas dan pernah mengikuti kursus dalam pertukangan kayu (carpentry) selama satu tahun di Sekolah Pertukangan Bangunan yang diakui sah.

b) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi boleh menulis dan membaca serta berpengalaman sebagai Tukang Kayu Tingkat II boleh juga dipertimbangkan.

c) Pemohon-pemohon mestilah:

- Mempunyai pengalaman dalam hal-hal pertukangan kayu dan mengetahui jenis-jenis kayu.
- Tahu merancang rangka dan mengadakan lukisan-lukisan bagi kerja-kerja yang diarahkan.
- Boleh mentaksirkan perbelanjaan - perbelanjaan yang dikehendaki di atas satu-satu pertukangan tersebut.

3. **WIREDMAN TINGKAT I:** (di Jabatan Laut, Brunei).

Tanggungjaji: E. 1-2-3 EB. 4—\$410-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 25 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya 6 tahun pengalaman praktikal sebagai electrical wireman.

b) Pemohon-pemohon mestilah pandai membaca electrical circuit dan rajah-rajah wiring.

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengetahuan baik tentang alat-alat kelengkapan yang digunakan cara-cara wiring electrical circuit.

d) Pemohon-pemohon mestilah tahu tentang pemeliharaan dan 'overhaul' am bahagian electrical starter motor, bateri-bateri, generator kecil, peralatan lighting dan electrical motors.

4. **FITAR TINGKAT I:** (di Jabatan Laut, Brunei).
Tanggungjaji: E. 1-2-3 EB. 4 \$410-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 27 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman praktikal bekerja sebagai fitar mekanik atau fitar kejuruteraan laut.

b) Pemohon-pemohon mestilah boleh memahami pelan-pelan lukisan kejuruteraan.

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengetahuan baik tentang alat-alat kelengkapan kejuruteraan laut dan cara-cara menggunakannya.

d) Pemohon-pemohon mestilah tahu menggunakan perkakas-perkakas dan lain-lain alat kejuruteraan yang digunakan di dalam sesebuah bengkel kejuruteraan. Mereka mestilah boleh membaiki enjin-enjin diesel marine yang besarnya sehingga 225 Brake Horse Power.

e) Calon-calon akan dikehendaki Pertukangan untuk menenun sebagai Fiter Kejuruteraan. Kecekapan mereka akan diuji dalam satu ujian. Calon-calon yang berjaya akan dikehendaki bertugas di mana-mana saja di seluruh Negara.

5. **FITAR TINGKAT II:**
Tanggungjaji: F. 3-4 EB. 5 \$430-\$560 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:
a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun dengan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman praktikal bekerja sebagai fitar mekanik atau kejuruteraan laut.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengetahuan baik tentang alat-alat kelengkapan laut dan cara menggunakannya.

c) Pemohon-pemohon mestilah menggunakan perkakas-perkakas dan lain-lain alat-alat kejuruteraan yang digunakan di dalam sesebuah workshop kejuruteraan.

d) Calon-calon akan dikehendaki menjalani Ujian Pertukangan untuk menentukan kecekapan mereka sebagai Fitar Kejuruteraan. Calon-calon yang berjaya akan dikehendaki bertugas di mana-mana saja di seluruh Negara.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei. Tarikh tutup: 20 Disember, 1983.

(E/1769/76)
(Bil: 207/1983).

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Sebagai Pengawas Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENGAWAS TINGKAT II di Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Tanggagaji : D.3 EB.4 — \$720-\$1175 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dan berumur tidak lebih dari 35 tahun.
- Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai pengalaman sebagai Pengawas Kecil atau mempunyai kebolehan mengurus dan menyelia kakitangan pekerja shift dalam melaksanaka tugas-tugas mereka boleh juga dipertimbangkan.

c) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan sijil-sijil tidak lewat dari 8 Disember, 1983.

(E/668/75)
(Bil : 218/1983)

Di Jabatan Kemajuan Kerjasama

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Brunei.

1. PEMANDU TINGKAT I:

Tanggagaji : F. 3-4 EB. 5 — \$430-\$560 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan kerosakan kecil.
- Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.
- Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas :

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa perkerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-

calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam Negara.

2. PENJAGA:

Tanggagaji : F. 1-2 EB. 3 — \$350-\$470 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Berumur tidak kurang dari 25 tahun.
- Hendaklah tahu menulis dan membaca rumi.
- Mempunyai pengalaman meniaga dan mengawas harta benda Kerajaan adalah merupakan satu kelebihan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup : 15 November, 1983.
(E/1226/83)
(Bil : 209/1983)

Sebagai Penjaga Hutan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENJAGA HUTAN di Jabatan Kehutanan, Brunei.

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas.

b) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau kelulusan sebanding dengannya. Keutamaan diberi kepada mereka yang mengikuti aliran "Science". Selain daripada kelulusan tersebut, lulus dalam Bahasa Melayu, Ilmu Hisab adalah sangat-sangat diperlukan dan juga pengetahuan baik secara menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.

c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan-kelayakan yang dinyatakan dalam (b) di atas tetapi ialah berkhidmat dengan

Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun serta mempunyai pengetahuan dan kebolehan adalah juga dipertimbangkan.

d) Berkesanggupan untuk bertugas di mana-mana di keempat Daerah dalam Negara ini.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup : 28 November, 1983.
(E/986/74)
(Bil : 217/1983).

Tawaran Pejabat Perkhidmatan - Pkhidmatan Elektrik

TAWARAN BIL. 106/1983

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK PENAMBAHAN STOR ALAT-ALAT SANDIWARA DAN PANGKALAN KENDERAAN DI JALAN DATO AHMAD BRUNEI.

Tarikh tutup : 14 November, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : \$100.00.
Kelayakan bagi Pemborong : Internal Wiring Kelas "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik, Brunei.

TAWARAN BIL. 107/1983

Tajuk Kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BILIK-BILIK TAMBAHAN DI KLINIK LAMUNIN TUTONG.

Tarikh tutup : 14 November, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : \$100.00.
Kelayakan bagi Pemborong : Internal Wiring Kelas "C".

Dokumen-dokumen tawaran

dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik, Brunei.

TAWARAN BIL. 109/1983

Tajuk Kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK SEKOLAH SEMENTARA BAGI SEKOLAH UGAMA MEDEWA BRUNEI.

Tarikh tutup : 14 November, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : \$100.00.
Kelayakan bagi Pemborong : Internal Wiring Kelas "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik, Brunei.

TAWARAN BIL. 113/1983

Tajuk Kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK TAMBAHAN 8 BILIK DARJAH DI KAWASAN ISTANA EDINBURGH BRUNEI.

Tarikh tutup : 21 November, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : \$200.00.
Kelayakan bagi Pemborong : Internal Wiring Kelas "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik, Brunei.

TAWARAN BIL. 115/1983

Tajuk Kerja : PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN KABEL LAMPU LANDASAN UNTUK KAWASAN PEMILIHARAN KAPAL-TERBANG DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI.

Tarikh tutup : 21 November 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram \$100.00.
Kelayakan bagi Pemborong : Electrical Wiring Class "A", "B" and "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik, Brunei.

TAWARAN BIL. 116/1983

